

Pengenalan

Skim Membiayai Pendidikan Madrasah anak-anak daripada *Keluarga Makmur* bertujuan untuk membolehkan mereka mengikuti pembelajaran madrasah di Masjid Darul Makmur.

Skim ini merupakan satu usaha murni kami untuk membolehkan anda bersama memberi sumbangan kemasyarakatan terutama pada golongan penerima habuan Masjid Darul Makmur.

Kami memerlukan sekitar \$20,000 bagi menampung peruntukan pembelajaran setahun untuk anak-anak *Keluarga Makmur*. Memandangkan kewangan Masjid agak terhad, kami mengalu-alukan anda untuk turut serta dalam Skim ini.

Mengenai Keluarga Makmur:

Pihak Masjid kini mempunyai

- sekitar 50 *Keluarga Makmur* yang berpendapatan rendah yang mempunyai anak-anak dari lingkungan umur 7 – 19 tahun,
- 50 remaja (11 – 19 tahun)
- 20 anak-anak (7 – 10 tahun)



“Apabila mati seseorang manusia, maka terputuslah amalan-amalannya kecuali dari tiga perkara: iaitu sedekah yang berkekalan atau amalan yang dimanfaatkan orang atau anak-anak yang soleh yang mendoakannya”
– Hadith riwayat Muslim

SKIM-
Membiayai Pendidikan Madrasah
Untuk anak-anak Keluarga Makmur



Taksiran Belanjawan

Kami mentaksirkan sekurang-kurangnya setiap pelajar akan memerlukan perbelanjaan seperti berikut:

Peringkat	Umur	Yuran	Buku Teks	*Yuran Rampaian	**Pakaian Seragam
Asas 1-2	7-10	\$15	\$33	\$5	Muslimin: \$11 Muslimah: \$22
Asas 3-4				\$10	
Pra-Remaja	11-14	\$20	\$35	\$48	Muslimin: \$13 Muslimah: \$23
Remaja	15-19			-	

*Yuran Rampaian:

Nota/Misc/Transport dibayar sekali pembayaran sahaja (setahun)

**Pakaian Seragam :

sekali sahaja mengikut saiz serta tudung untuk pelajar perempuan

Contoh cara Perkiraan Yuran untuk setahun

a) Program Pra Remaja/Remaja:

1 pelajar x 12 bulan x \$20	= \$240
Buku Teks	= \$48
Yuran Rampaian	= \$35
Pakaian seragam	= \$13 - \$23
Pakaian Seragam (ikut saiz)	= \$ 30
Jumlah keseluruhan untuk 1 pelajar	= <u>\$ 336 - \$346</u>

b) Asas Madrasah:

1 pelajar x 12 bulan x \$15	= \$180/ tahun
Buku Teks	= \$33-\$35
Yuran Rampaian	= \$5-\$10
Pakaian Seragam (est. ikut saiz)	= \$11 - \$22
Jumlah keseluruhan untuk 1 pelajar	= <u>\$ 229 - \$247</u>

Bagaimanakah anda boleh membantu?

- Anda boleh memperuntukkan belanjawan setahun untuk seorang pelajar
- Anda akan dipadankan dengan profil keluarga yang ditentukan oleh pihak Masjid (Semua maklumat akan dirahsiakan).
- 2 laporan kemajuan (progress report) – semester 1 dan semester 2 akan dimaklumkan

Bagaimana cara pembayaran

Melalui tunai atau cek, dengan mengisi borang khas yang boleh didapati dari pejabat administrasi kami.

Melalui sumbangan anda, anda bukan sahaja meringankan beban mereka, tetapi juga memberi peluang kepada anak-anak ini menimba ilmu agama di madrasah yang akan menjadi panduan hidup mereka seperti anak-anak yang lain.

Maklumat lanjut:

Sila hubungi Puan Rohani, Penolong Eksekutif Dakwah di talian: 68528364 atau email: rohani@darulmakmur.mosque.org.sg



Masjid Darul Makmur.
950 Yishun Ave 2, Singapore 769099
Tel: 6752 1402 Faks: 6752 2743 Lelaman Web: www.darulmakmur.org
Emel kami: korporat@darulmakmur.mosque.org.sg